



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	KeTSA			

Sinar, 9 Jul
2021_26

Pahang akan realisasi inisiatif Sempadan Hijau Negeri

KUANTAN - Kerajaan Pahang akan mengambil tindakan segera bagi merealisasikan inisiatif Sempadan Hijau Negeri Pahang dan kawasan rizab biosfera Tasik Chini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ia termasuk melakukan segala urusan diperlukan dalam usaha mewartakan sebahagian besar kawasan sempadan negeri sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Menurutnya, komitmen kerajaan negeri itu sebagai menjunjung titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengenai inisiatif itu



WAN ROSDY

pada Rabu.

"Titah baginda amat wajar dan tepat dalam memastikan alam sekitar negeri Pahang termasuk di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan negeri-negeri jiran terus terpelihara.

"Kerajaan negeri akan bertindak segera bagi merealisasikannya manakala kawasan yang meliputi tanah milik dibangunkan secara lestari selaras dengan konsep Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Wan Rosdy berkata, bagi kawasan rizab biosfera Tasik Chini, kerajaan negeri akan menyegerakan kerja pemuliharaan dengan menanam pokok berseesuaian seperti dititahkan.

